

# 31

## Penggunaan Jurnal Interaktif Bagi Meningkatkan Minat Murid Dalam Pembelajaran Imbuhan

Sekolah Rendah Eunus



**Nur Hafizah Ismail**

nur\_hafizah\_ismail\_b@schools.gov.sg



**Elisha Jaafar**

elisha\_jaafar@schools.gov.sg

## Abstrak

Murid-murid secara amnya tidak begitu minat dalam pembelajaran imbuhan. Sikap kurang minat mereka dalam pembelajaran imbuhan telah menjejaskan keyakinan mereka dalam penggunaan imbuhan terutamanya dalam penulisan karangan. Bagi mengatasi masalah ini, satu usaha telah dilakukan untuk meningkatkan kemampuan murid menggunakan imbuhan dengan betul dan meningkatkan keyakinan mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan Jurnal Interaktif yang diperkenalkan dalam pembelajaran imbuhan. Komponen interaktif yang ada pada jurnal ini akan menarik minat murid-murid untuk mengulang-kaji pengajaran imbuhan. Melalui penggunaan Jurnal Interaktif, murid-murid juga dapat mengenal pasti fungsi imbuhan dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan mereka untuk menggunakan imbuhan dengan tepat.

Kata kunci: Imbuhan, jurnal interaktif, kemahiran menulis



## PENGENALAN

Murid-murid telah diperkenalkan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) imbuhan secara bertahap-tahap sejak peringkat Darjah 1 lagi. PdP imbuhan di bilik darjah selalunya dijalankan secara eksplisit yang menggunakan kaedah deduktif dan lazimnya berpusatkan guru. Kaedah ini kurang menyeronokkan untuk murid-murid kerana mereka sering tidak diberi peluang untuk menyuarakan pendapat atau buah fikiran mereka. Dengan itu, murid-murid akan hilang fokus dan terlepas fakta-fakta penting. Lantas, mereka akan menggunakan imbuhan tanpa mengetahui atau menyedari fungsinya.

Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan keupayaan menggunakan imbuhan dalam pertuturan dan juga penulisan dengan berkesan. Menurut Kamaruddin Husin (1994), “sebaik-baiknya, pengajaran tatabahasa dapat dikendalikan dengan memberikan kefahaman yang tinggi kepada murid tentang aspek-aspek bahasa”. Salah satu daripada aspek-aspek yang dimaksudkan itu ialah fungsi atau peranan unsur-unsur tertentu tatabahasa seperti imbuhan.

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut pemantauan yang dilakukan oleh guru, murid-murid secara umumnya didapati kurang berminat mempelajari imbuhan. Salah satu sebabnya adalah kerana kaedah pengajaran yang digunakan guru tidak merangsang keinginan murid-murid untuk mempelajari imbuhan. Selain itu, murid juga menghadapi cabaran dalam mengingat fungsi-fungsi imbuhan.

Namun, apabila minat terhadap pembelajaran imbuhan dapat dipertingkatkan, murid-murid akan lebih terpenggil untuk mempelajari imbuhan dengan sendiri dan mengingat konsep-konsep imbuhan ini dengan lebih mudah. Cara pembelajaran murid-murid secara amnya lebih bersifat visual dan kinestetik. Dengan menggunakan kaedah Jurnal Interaktif, guru telah secara tidak langsung menggunakan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan cara pembelajaran murid.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. melihat keberkesanan Jurnal Interaktif dalam memupuk minat murid dalam pembelajaran imbuhan; dan
2. melihat keberkesanan Jurnal Interaktif sebagai alat dalam pembelajaran imbuhan.

## KAJIAN LEPAS

Guru kerap menggalakkan murid menggunakan buku nota dalam pembelajaran di bilik darjah. Namun, penggunaan buku nota sering kali tidak begitu berkesan terutama bagi murid-murid sekolah rendah. Selalunya, murid-murid sekadar menyalin semula apa yang disampaikan oleh guru. Buku nota itu pula selalunya menjadi seperti ‘tangki informasi’ sahaja (Zuber, 2004). Kita jarang melihat murid-murid sering merujuk semula buku nota dan jadikannya sebagai sumber rujukan informasi.

Selain itu, kebanyakan buku nota murid-murid mengandungi informasi yang dianggap membosankan oleh murid-murid sendiri. Murid-murid selalunya diminta untuk menyalin semula maklumat dan tidak perlu menghuraikannya. Menurut Ruiz-Primo (2002), tuntutan intelek bagi tugas penulisan informasi dalam buku nota biasa ialah kemahiran tahap rendah. Murid-murid sekadar menyalin apa yang guru sampaikan atau murid hanya menyenaraikan informasi yang diperlukan. Perkara tersebut hampir tidak membantu murid-murid untuk meningkatkan pemahaman mereka. Sekiranya, buku nota digunakan sewajarnya, ia boleh meningkatkan pemikiran dan penaakulan murid-murid serta membantu mereka dalam menyelesaikan masalah dalam tugas yang guru berikan.

Jurnal Interaktif merupakan buku nota bukan tradisional. Dengan menggunakan Jurnal Interaktif, murid-murid tidak perlu bergegas menyalin nota kerana nota yang lengkap sudah dikongsikan dengan murid-murid. Murid-murid boleh memindahkan informasi tersebut ke templat yang diberikan untuk Jurnal Interaktif mereka. Nota di Jurnal Interaktif bersifat interaktif dan terdapat mempunyai potensi untuk melibatkan murid-murid dalam proses pembelajaran (Stencel, 1998).



Reka bentuk Jurnal Interaktif menggalakkan murid-murid menyemak maklumat dan nota. Selanjutnya, mereka boleh menggunakan maklumat tersebut secara kreatif.

Selain itu, kaedah pembelajaran dengan menggunakan Jurnal Interaktif membolehkan murid-murid memahami cara paling berkesan untuk mereka mengingat apa yang telah mereka pelajari. Menurut Marzano dan R.J (2003), terdapat golongan murid yang memerlukan *non-linguistic representations* semasa murid-murid mempelajari sesuatu perkara.

Menurut David Kolb (2011) pula, murid yang memerlukan stimulasi visual lebih terpengil untuk belajar dan mengingat sesuatu perkara atau pembelajaran apabila representasi pembelajaran itu dibuat dengan cara lukisan, carta dan nota-nota yang berwarna-warni. Ada juga murid-murid yang memerlukan pergerakan kerana mereka ialah murid yang bersifat kinestetik dan interpersonal untuk mempelajari kandungan pelajaran. Kaedah ini sememangnya boleh dilihat dengan jelas dalam pembelajaran menggunakan Jurnal Interaktif.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui borang maklum balas murid dan juga pemantauan guru terhadap respons murid. Guru juga akan menggunakan latihan di Buku Aktiviti Cekap 5B untuk memantau dan menilai pemahaman murid.

Selain itu, bagi melaksanakan kajian ini dengan lebih baik, penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) diambil kira. Sila rujuk Jadual 1 bagi proses pengajaran, iaitu pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) yang dipilih disesuaikan dengan objektif pelajaran dan keperluan murid.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang minat	AM1: Menggunakan cerita dan imejan Imej digunakan untuk membangkitkan minat murid. Penggunaan imejan dapat membantu murid menyumbang kepada pengalaman pembelajaran mereka. Apabila motivasi murid dapat diaktifkan murid akan berusaha untuk mengetahui apa yang akan dipelajari.
	AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru menggunakan tunjuk cara bagi memastikan murid mengetahui dan memahami apa yang akan dipelajari. Tunjuk cara juga bertujuan untuk merangsang minat murid untuk belajar apabila mereka jelas apa yang akan mereka pelajari. Guru memastikan penerangan yang diberikan jelas supaya murid dapat melengkapkan tugas seperti yang diharapkan. Selain itu, guru menggunakan soalan-soalan panduan untuk menggalakkan pelibatan murid dan seterusnya menilai pemahaman mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan memberi maklum balas	AM1: Maklum balas dalam bentuk komen sahaja Guru memberi komen dan penerangan kepada murid semasa pengajaran dijalankan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Penggunaan imejan membantu pemahaman murid yang disokong dengan penerangan yang jelas dan maklum balas yang diberikan pada setiap peringkat pembelajaran.	

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 yang berada dalam tahap kebolehan tinggi. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 18 orang. Walaupun mereka berada dalam kelas tahap keupayaan tinggi, mereka kurang yakin dalam penggunaan imbuhan. Mereka berpendapat bahawa pelajaran imbuhan merupakan sesuatu yang sukar difahami.

Murid-murid tersebut sudah terdedah pada penggunaan Jurnal Interaktif untuk subjek Sains. Oleh itu, mereka sudah biasa dengan penggunaan Jurnal Interaktif dalam pembelajaran.



## Instrumen Kajian

Borang maklum balas murid digunakan sebagai instrumen mengumpul data semasa prapembelajaran dan pascapembelajaran. Murid-murid mengisi borang maklum balas sebelum pelajaran pertama dijalankan dan pada penghujung pelajaran yang terakhir.

Borang maklum balas diisi oleh murid pada pelajaran pertama dan akhir kajian ini dilakukan. Selain itu, pembinaan Jurnal interaktif akan juga digunakan sebagai alat untuk melihat perkembangan pembelajaran imbuhan murid. Guru juga memantau sikap dan pemahaman murid ketika menggunakan Jurnal Interaktif semasa menjawab soalan-soalan imbuhan. Dengan ini, guru dapat menilai keberkesanan instrumen yang digunakan.

## Prosedur Kajian

Sebanyak empat pelajaran dijalankan bagi kajian tindakan ini. Pendekatan pengajaran induktif digunakan sebagai panduan ketika melakar rancangan pelajaran. Kaedah pengajaran induktif terdiri daripada empat peringkat, iaitu peringkat pemerhatian, analisis, inferens dan pengesahan. Langkah pertama ialah murid memerhatikan penggunaan imbuhan dahulu dengan menggunakan imejan bagi merangsang minat mereka. Kemudian, murid berfikir secara kritis dengan memberikan beberapa imbuhan berdasarkan imejan tersebut. Seterusnya murid membuat analisis tentang fungsi imbuhan.

Setelah membincangkan tentang fungsi imbuhan, murid-murid akan menulis nota di Jurnal Interaktif mereka. Namun, nota yang dituliskan tidaklah seperti nota biasa. Untuk setiap pelajaran, murid-murid akan menerima templat untuk pelajaran pada hari itu. Selepas menampal templat tersebut di jurnal mereka, mereka akan menulis nota tentang imbuhan yang dipelajari. Murid-murid boleh menulis menggunakan pena berwarna dan menghias nota tersebut. Mereka boleh merujuk pada nota di slaid Powerpoint guru atau buku teks mereka semasa menulis nota di Jurnal interaktif mereka. Mereka juga digalakkan untuk memberikan contoh-contoh selain yang diberikan oleh guru atau di buku teks.




Sebagai penutup pelajaran, murid menilai pemahaman mereka melalui latihan di Buku Aktiviti Cepak 5B. Latihan tersebut dapat membantu guru untuk menilai pemahaman murid dalam menggunakan imbuhan yang telah

diajarkan. Sambil menyelesaikan latihan, murid-murid akan menyemak nota yang telah dicatatkan di Jurnal Interaktif mereka.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan bagi memenuhi keperluan kajian ini. Data kuantitatif diperolehi daripada dua cara, iaitu respons melalui borang maklum balas murid dan analisis tugas murid secara individu. Murid memberi respons tentang pembelajaran mereka dengan melengkapkan borang maklum balas setelah pelajaran selesai. Data ini memberikan gambaran tentang pengalaman murid melalui PdP menggunakan Jurnal Interaktif. Rujuk Jadual 1.

**Jadual 1: Maklum Balas Murid**

	Sangat Boleh 		Boleh 		Masih Mencuba 	
	Prakajian	Pascakajian	Prakajian	Pascakajian	Prakajian	Pascakajian
1. Saya suka belajar tentang imbuhan.	5 (27.8%)	13 (72.2 %)	10 (55.6%)	5 (27.8%)	3 (16.7%)	0 (0.00%)
2. Saya tahu fungsi imbuhan.	1 (5.6%)	13 (72.2 %)	8 (44.4%)	5 (27.8%)	9 (50%)	0 (0.00%)
3. Saya yakin menggunakan imbuhan.	0 (0.00%)	15 (83.3%)	13 (72.2%)	3 (16.7%)	5 (27.8%)	0 (0.00%)

Nota: Jumlah murid 18

Semasa sesi maklum balas, kebanyakan murid berkongsi bahawa mereka suka menggunakan Jurnal Interaktif ini. Ciri Jurnal Interaktif ini membuat sesi ulang kaji lebih mudah dan menarik. Mereka suka jurnal interaktif ini kerana mereka dapat menyemak aspek makna dan contoh ayat. Mereka juga dapat menambah contoh ayat yang diberikan oleh rakan-rakan mereka. Selain itu, murid teruja untuk menggunakan Jurnal Interaktif ini semasa pelajaran imbuhan dijalankan kerana murid mendapati mereka dapat belajar secara terarah dan tidak perlu sentiasa belajar dengan bantuan guru. Dalam hal ini, murid dapat meningkatkan keyakinan mereka dalam pembelajaran imbuhan.

Jadual 2: Contoh Jurnal Interaktif Murid

Jenis Imbuhan	Aspek Makna	Contoh Imbuhan Dalam Ayat
Imbuhan ter-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak sengaja</li> <li>• paling</li> <li>• keupayaan</li> <li>• keadaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ali <b>tertidur</b> di dalam bas.</li> <li>• Aryan murid yang <b>tertinggi</b> dalam kelas itu.</li> <li>• Abbas dan Sufyan tidak <b>termakan</b> buah durian yang banyak itu.</li> <li>• Siti <b>termenung</b> di dalam kelas.</li> </ul>
<p>Apitan PeN-...-an</p> <p>PeN-...-an</p> <p>Contoh</p> <p>PeN-...-an menjadi pen-...-an apabila bergambung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf c, d, j, sy dan z</p> <p>Cari - pencarian</p> <p>Dapat - pendapatan</p>	proses	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penjualan</b> tiket pementasan itu sungguh laris.</li> <li>• <b>Pencarian</b> budak lelaki yang hilang itu masih lagi diteruskan.</li> <li>• Kita harus elakkan mendengar radio terlalu kuat kerana boleh merosakkan <b>pendengaran</b> kita.</li> </ul>

Selain itu, melalui pemantauan, yang dilaksanakan didapati murid juga lebih yakin untuk menjawab soalan imbuhan dan kini dapat mengenal pasti fungsi imbuhan. Sebelum ini, murid-murid tidak suka menjawab soalan-soalan imbuhan tetapi kini mereka tidak lagi bersikap sedemikian. Malah, sekarang mereka dapat menggunakan imbuhan dengan lebih baik.

## CADANGAN

Jurnal Interaktif ini juga sesuai digunakan untuk murid-murid peringkat darjah rendah. Malah, guru boleh cuba untuk menggunakannya untuk murid-murid pada peringkat yang lain. Namun, guru harus memastikan tahap keupayaannya bersesuaian bagi setiap peringkat. Dengan cara ini, murid-murid akan mempunyai sebuah buku rujukan untuk imbuhan yang diajar dari Darjah 1 hingga ke Darjah 6.

Selain itu, penggunaan Jurnal Interaktif ini tidak terhad pada pelajaran imbuhan sahaja. Malah, Jurnal Interaktif ini juga boleh digunakan untuk pengajaran kemahiran bahasa yang lain seperti penulisan karangan dan juga kefahaman membaca.



Selain itu, guru juga boleh menggunakan Jurnal Interaktif ini sebagai portfolio pembelajaran murid. Melalui Jurnal Interaktif, guru dapat mengesan perkembangan murid dalam sesuatu topik itu melalui nota yang dicatatkan di jurnal itu.

## KESIMPULAN


Secara kesimpulan, kajian ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan Jurnal Interaktif dalam meningkatkan minat murid dalam pembelajaran imbuhan. Murid-murid bukan setakat menggunakan Jurnal Interaktif pada sesi pembelajaran itu sahaja, malah, mereka turut menggunakan Jurnal Interaktif ini semasa mengulang kaji pelajaran.

Ciri interaktif dalam Jurnal Interaktif ini menarik minat murid, terutama sekali murid jenis kinestetik, untuk mengulang kaji pelajaran imbuhan dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan mereka untuk menjawab soalan imbuhan. Berbeza dengan nota-nota lain, untuk Jurnal Interaktif, murid-murid lebih mempunyai rasa kepunyaan kerana mereka dapat menghias dan menulis nota mengikut cita rasa mereka.

Akhir sekali, Jurnal Interaktif ini mengurangkan pemberian salinan nota kepada murid. Jika sebelum ini, pasti guru banyak memberikan salinan nota kepada murid-murid. Penggunaan Jurnal Interaktif ini nota-nota akan tersusun dalam satu buku dan buku ini boleh dirujuk pada bila-bila masa.

## RUJUKAN

- Ceri B. Dean, E. R. (2000). *Classroom Instruction That Works : Research Based Strategies For Increasing Student Achievement*. Pearson Teacher Education.
- Goodman, J. (2018). *Interactive Notetaking for Content-Area Literacy, Levels 3-5*. Shell Education.
- Husin, K. H. (1994). *KBSM dan strategi pengajaran bahasa*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn .
- Maria Araceli Ruiz-Primo, M. L. (2002). *Looking into Students' Science Notebooks: What Do Teachers*. Los Angeles: CRESST.



Robert J. Marzano, D. J. (2000). *Classroom Instruction that Works: Research-Based Strategies for Increasing Student Achievement 1st Edition*. Pearson Teacher Education.

Stencel, J. E. (1998). An Interactive Lecture Notebook--Twelve Ways To Improve Students' Grades. *Journal of College Science Teaching*, 343-345.

Stencel, J. E. (2001). Note-Taking Techniques in the Science Classroom: Focusing on the Important Concepts in Science. *Journal (Collage Science Teaching*, 403-405.

Zuber, B. J. (2004). *An interactive science notebook: An effective student Resource*. Fisher Digital Publications.